

05/12/1997

Projek jambatan diteruskan

LANGKAWI, Khamis - Malaysia akan meneruskan projek pembinaan jambatan darat berharga RM10 bilion yang menghubungkan utara Semenanjung dan selatan Thailand walaupun menghadapi kejatuhan nilai ringgit.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, projek yang dicadangkan itu menghubungkan bahagian selatan Pulau Langkawi di sini dengan beberapa bahagian di Thailand dan utara Semenanjung melalui rangkaian jalan darat, kereta api dan saluran paip.

Sambil menyifatkan projek itu sebagai berdaya maju dalam usaha mengurangkan kesesakan di Selat Melaka, Perdana Menteri berkata sebuah pelabuhan akan dibangunkan di selatan Langkawi dengan kapal boleh menurunkan kargo dan dipindahkan menerusi laluan darat ke kapal di Pantai Timur tanpa melalui Selat Melaka.

"Projek ini sangat menguntungkan. Walaupun nilai ringgit menurun, ia tidak bermakna kita tidak boleh melaksanakan projek jambatan darat... kita akan meneruskan projek ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada dialog dengan peserta persidangan maritim di Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima '97) hari ini.

Persidangan disertai wakil pelbagai syarikat perkapalan, pengeluar kapal dan tentera laut itu diadakan di kapal persiaran MV Star Pisces, di Tanjung Malai, di sini.

Projek jambatan itu akan dilaksanakan dengan kerjasama Thailand dan Indonesia mengikut kerjasama Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Perbincangan sudah diadakan dengan syarikat perkapalan Jepun yang menunjukkan minat mendalam menyertai projek itu.

(END)